

ALUMNI KINI BERGELAR WAKIL RAKYAT

YB. Ir. Razali Bin Kassim

YB. Ir. Razali Bin Kassim, 50 tahun, merupakan salah seorang alumni Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Awam, Universiti Teknologi Malaysia yang kini merupakan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Muadzam Shah, Pahang. Beliau telah bergraduasi pada tahun 2007. Sebelum bergelar wakil rakyat, beliau merupakan Pelukis Pelan Kejuruteraan Awam di Firma Perunding IR. Soon Yih Sin, Kuantan dan Jurutera Awam di Gagasan Consultant, Kuantan.

Menurut beliau, untuk mencapai kejayaan dalam bidang ini, ianya memerlukan pengorbanan dari segi fizikal dan mental yang berterusan. Beliau telah memenangi kerusi DUN Muadzam Shah pada Pilihan Raya ke-14 yang lalu iaitu 9 Mei 2018.

Sepanjang menuntut ilmu pengajian di UTM, beliau telah menceritakan pengalaman dengan berulang-alik setiap minggu dari Kuantan ke Kuala Lumpur. Beliau juga memuji usaha UTMSPACE yang telah membuka ruang kepada masyarakat untuk menggulung Ijazah yang pertama secara separuh masa tanpa mengira usia. Baginya matlamat UTMSPACE berjaya apabila melahirkan graduan yang telah ramai mengecapi kejayaan dan professional dalam bidang tertentu samaada dalam dalam sektor awam mahupun sektor swasta.



“I think the success of any school can be measured by the contribution alumni make to our national life” – John F. Kennedy-